

07 SEP 2002

DR MAHATHIR HADIRI KONSERT PAVAROTTI

PULAU PANGKOR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri satu konsert gala dan persembahan khas oleh tenor terkemuka dunia Luciano Pavarotti di Pangkor Laut Resort di sini, malam ini.

Turut serta dalam konsert itu ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Koon dan Pengarah Urusan YTL Corporation Bhd Tan Sri Francis Yeoh.

Konsert itu diadakan sempena Forum Kepimpinan Global Asia selama tiga hari yang dihadiri oleh lebih kurang 200 tokoh perindustrian, menteri-menteri, para akademik dan ahli ekonomi yang menumpukan usaha untuk menjadikan dunia tempat yang lebih selamat.

Dr Mahathir, yang tiba di resort itu petang ini akan menyampaikan ucapan penutup mengenai Membina dan Berkongsi Kemakmuran Global-Memberikan Satu Dimensi Kemanusiaan Bagi Globalisasi.

Konsert itu juga diadakan sebagai memperingati tragedi serangan 11 Sept di New York, Amerika Syarikat pada tahun lepas.

Pavarotti merupakan Duta Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Keamanan dan mengumpul derma bagi yatim piatu perang melalui "Pavarotti and Friends Concert".

Ini merupakan lawatan kedua beliau ke Malaysia, selepas berada di sini pada 1994 bagi majlis perasmian resort milik YTL Group itu.

-- BERNAMA

TM AFY PR